
Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HMT 503 – TEORI DAN KAEADAH PENYELIDIKAN LINGUISTIK

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi ENAM soalan dalam TIGA Bahagian: A, B dan C. Semua soalan mempunyai beratan markah yang serupa.

Bahagian A mengandungi SATU soalan WAJIB. Jawab di ruang yang disediakan di kertas soalan ini.

Bahagian B mengandungi TIGA soalan WAJIB.

Bahagian C mengandungi DUA soalan. Pilih dan jawab SATU sahaja.

KERTAS SOALANINI TIDAK DIBENARKAN DIBAWA KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN.

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

Bahagian A

Jawab Soalan 1 dalam bahagian ini di ruang yang disediakan.

1. Jawab soalan [a] hingga [f] berdasarkan data dalam **Jadual 1**.

Data yang berikut ini diperolehi daripada satu kajian bertajuk '**Penghasilan Ayat Tanya ‘Wh’ Matriks dan Pancangan Dalam Kalangan Pesakit Afasia Broca Agramatik**'. Kajian ini bertujuan meneliti penghasilan ayat tanya 'wh' matriks dan pancangan dalam Bahasa Malaysia dalam kalangan pesakit afasia Broca agramatik. 8 (lapan) pesakit afasia Broca agramatik dan 8 (lapan) individu normal yang tidak mengalami kecelaranan bahasa telah dipilih sebagai subjek secara rawak atau rambang. Perbandingan antara kumpulan dilaksanakan berdasarkan penghasilan ayat tanya 'wh' matriks dan pancangan dalam suatu sesi pertuturan spontan.

Jadual 1 Penghasilan Ayat Tanya Matriks dan Pancangan Dalam Bahasa Malaysia Dalam Kalangan Pesakit Afasia Broca Agramatik dan Individu Normal (Peratusan Respons Yang Betul)	
Pesakit Afasia Broca Agramatik (% Betul)	Individu Normal (%Betul)
16	100
57	100
13	96
22	87
12	99
33	100
33	100
31	92

(Sumber: Rozaida Abdul Rauf, 2006)

- 3 -

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

[a] Jawab soalan [i], [ii] dan [iii].

[i] Lukiskan poligon kekerapan.

[ii] Laksanakan satu pemerian/huraian statistik bagi data-data tersebut

[iii] Interpretasi dapatan dari [i] dan [ii]

- 4 -

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

[b] Isikan ruang di bawah untuk kajian dalam Jadual 1:

Hipotesis penyelidikan _____

Tahap signifikan _____

1 – atau – 2 – tailed _____

Rekabentuk

Variabel pautan _____

Pengukuran _____

Variabel bebas _____

Pengukuran _____

Pengukuran bebas atau berulang kali _____

Fitur lain _____

Prosedur statistik _____

[c] Laksanakan satu **ANOVA** terhadap data dalam Jadual 1 dan perlihatkan dapatannya di ruang di bawah ini.

SST = _____

SSB = _____

SSW = _____

MSB = _____

MSW = _____

F = _____

df_B = _____

- 5 -

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

$$df_W = \underline{\hspace{10cm}}$$

[d] Bolehkah anda menolak hipotesis nol (H_0)? _____

[e] Hitungkan kekuatan hubungan ‘omega squared’ (ω^2) bagi nisbah F signifikan.

$$\omega^2 = \underline{\hspace{10cm}}$$

[f] Nyatakan kesimpulan anda. _____

[100 markah]

- 6 -

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

Bahagian B

Soalan WAJIB dijawab.

2. Teliti **PETIKAN 1**. Kenal pasti dan perlihatkan dari artikel dalam **PETIKAN 1**: [i] topik kajian, [ii] persoalan kajian, [iii] hipotesis kajian, [iii] kaedah kajian, [iv] teori lataran, [iv] brikolaj ‘bricolage’, [v] kes dan proses, [vi] interpretasi kajian, dan [vii] persekitaran kajian. [i] hingga [vii] mesti diperlihatkan dalam bentuk kertas cadangan untuk suatu kajian kualitatif linguistik.

[100 markah]

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

PETIKAN 1

Kemungkinannya pada masa akan datang bahasa Melayu Malaysia mengalami evolusi dan akan muncul tiga bentuk dialek yang diterima umum.

Pertama, dialek rasmi; kedua, dialek rojak dan ketiga, dialek pesanan ringkas (SMS). Buat masa ini, bahasa rasmi yang digunakan oleh media arus perdana yang dianggap benar dan betul. Tetapi dalam amalan masyarakat, bahasa rojak sudah berleluasa hingga cerok-cerok luar bandar. Akibat perluasan bahasa Inggeris yang separuh masak, lebih-lebih lagi dengan semangat pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (EST), maka bahasa rojak Melayu-Inggeris bertambah rancak.

Buat masa ini bahasa rojak tidak diiktiraf secara rasmi tetapi dari segi percakapan harian, ia lebih luas digunakan berbanding bahasa rasmi.

Bahasa Melayu rasmi bagaimanapun masih dominan dalam bentuk penulisan dan media arus perdana, tetapi ciri-ciri kerjakan sudah menjalar masuk dan ia menimbulkan kebimbangan bagi pecinta-pecinta bahasa.

Jika asakan terhadap penggunaan bahasa rojak begitu kuat, akhirnya ia akan menjadi bahasa diiktiraf dan dominan. Sebaliknya bahasa rasmi menjadi terpencil dan digunakan hanya oleh golongan elit tertentu yang masih kuat mempertahankan ketulenannya.

Tetapi satu dialek sedang menjalar masuk, yang menjadi ancaman kepada kedua-dua bahasa rasmi dan rojak. Dialek SMS yang pada masa ini digunakan oleh anak-anak muda yang menggunakan SMS mengandungi ciri-ciri bahasa rojak. Malah boleh dikatakan bahawa ia merupakan serpihan kepada bahasa rojak Melayu-Inggeris.

Tetapi ia muncul dengan lebih berbeza daripada bahasa rojak itu sendiri kerana sifatnya yang menggunakan ejaan ringkas, bersimbol dan nada mudah, malah boleh dianggap 'kurang ajar' bagi pengguna bahasa Melayu rasmi.

Sememangnya, pada mula ia merupakan ringkasan kepada ejaan bahasa rojak untuk digunakan dalam skrin telefon bimbit yang sempit. Tetapi ia kemudian berkembang ke dalam bentuk lisan dan muncul sebagai dialek Melayu tersendiri walaupun skrin paparan telefon bimbit sudah mampu menampung lebih banyak perkataan.

Lenggok dan langgam bahasa dialek ini juga amat berbeza dengan bahasa Melayu rasmi. Kalau hendak melihat bentuknya hari ini bacalah ruangan SMS yang ada pada televisyen dan juga majalah-majalah komik. Slanga anak muda pada hari ini juga menjadi ciri kepada dialek ini.

Mereka sudah tidak menggunakan perkataan 'sangat'. Ia digantikan dengan 'giler' dari perkataan gila, yang sudah membawa maksud lain daripada makna rasmi.

Maka suatu hari bahasa Melayu SMS ini akan menjadi dominan, malah mengatasi bahasa rojak yang masih menggunakan campuran penuh tata- bahasa Melayu-Inggeris. Bahasa Melayu SMS mempunyai tatabahasa tersendiri.

Apabila ini berlaku, bahasa Melayu rasmi yang dominan pada hari ini akan menjadi dialek klasik hanya digunakan oleh pencinta-pecintanya, seperti mana nasib bahasa Sanskrit dan Latin.

- 8 -

Angka Giliran: _____ No. Tempat Duduk: _____

3. Bincangkan isu etika dalam kajian linguistik yang melibatkan [i] prinsip pengizinan sukarela, [ii] penipuan kajian, [iii] penciplakan, dan [iv] penyamaran dan kerahsiaan.

[100 markah]

4. Bandingkan kaedah pengumpulan data kualitatif linguistik antara kajian lapangan dengan kajian bandingan sejarahwi.

[100 markah]

Bahagian C

Jawab SATU soalan sahaja.

5. Bandingkan dengan jelas kaedah penganalisisan data kualitatif linguistik antara analisis kandungan, kaedah persamaan, dengan kaedah perbezaan.

[100 markah]

6. Bincangkan dengan terperinci empat (4) strategi untuk melaksanakan penganalisisan data kualitatif linguistik: jenis ideal, penganggaran berurutan, kaedah gambaran, dan analisis mandala.

[100 markah]